

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: DI PERASMIAN PEMBUKAAN KONVENSYEN TIGA TAHUN SEKALI CUEPACS

TEMPAT: HOTEL MERLIN, KUALA LUMPUR

TARIKH: 28 JUL 1983

MASA:

Encik T. Narendran,
Yang di Pertua CUEPACS;
Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.
Saya mengucapkan terima kasih kepada CUEPACS kerana menjemput saya dan isteri saya ke majlis ini, dan di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk memberi ucapan dan merasmikan Konvensyen ini.

2. Sebagaimana kita maklum, salah satu perbelanjaan yang besar yang perlu ditanggung oleh Kerajaan ialah untuk membiayai perkhidmatan awam. Dengan jumlah kakitangan awam kira-kira 700,000 orang yang berkhidmat di dalam berbagai cabang perkhidmatan awam dari jumlah 14 juta orang penduduk, ini menjadikan nisbah seorang anggota perkhidmatan awam kepada 20 orang penduduk yang perlu diberi perkhidmatan. Dan jika dilihat dari jumlah tenaga pekerja pula, satu daripada 8 orang tenaga pekerja adalah di dalam Kerajaan. Dari jumlah hasil Kerajaan Persekutuan sebanyak 16.7 ribu-juta ringgit dalam tahun 1982, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan lebih daripada 1/3 iaitu sebanyak 6.7 ribu-juta ringgit untuk gaji termasuk elaun dan pencen.

3. Angka-angka yang saya sebutkan ini menunjukkan bahawa Kerajaan merupakan majikan yang terbesar, dengan begitu ramai pekerja yang perlu dibiayai. Walaupun ada pendapat yang berkata Kerajaan tidak sepatutnya memikir tentang pulangan atau 'return' dari kos yang besar ini, tetapi rakyat yang membiayai perbelanjaan ini melalui aneka jenis cukai berhak mengharap akan perkhidmatan yang memuaskan. Haruslah diingat bahawa kakitangan Kerajaan adalah juga rakyat dan khidmat dari kakitangan Kerajaan akan membawa kebaikan kepada mereka sendiri sebagai rakyat.

4. Saya berbangga dengan gerakan kesatuan sekerja di Malaysia, khususnya CUEPACS, yang telah menyambut baik seruan Kerajaan untuk mengadakan khidmat yang bersih, cekap dan beramanah dan untuk mempertingkatkan daya pengeluaran. Di negara yang demokratik, Kerajaan yang sebenar ialah rakyat. Anggota Kerajaan yang terdiri dari ahli politik cuma diberi kuasa dan tugas memerintah kerana tidak mungkin semua rakyat mentadbirkan negara. Bahawa rakyatlah yang sebenar berkuasa menjadi jelas memandangkan mereka boleh menurunkan Kerajaan yang dipilih, atau sebahagian atau

orang-orang tertentu dalam Kerajaan tersebut, lima tahun sekali. Keadaan adalah berlainan dengan pegawai dan kakitangan yang kekal. Jawatan-jawatan mereka adalah terjamin dari sebarang tindakan oleh rakyat. Cuma suruhanjaya perkhidmatan sahaja yang boleh bertindak terhadap kakitangan Kerajaan mengikut undang-undang tertentu.

5. Namun demikian, oleh kerana kesatuan-kesatuan sekerja dalam Kerajaan dan CUEPACS tidak bertindak di luar batasan seperti yang berlaku di beberapa negara lain, khidmat Kerajaan tidaklah tergendala kerana tindakan perusahaan yang tidak bertanggungjawab. Negara berasa terhutang budi kepada CUEPACS dan lain-lain kesatuan kakitangan Kerajaan kerana sikap ini, terutama di waktu Kerajaan dan negara menghadapi kemelesetan ekonomi. Saya percaya walaupun kepimpinan CUEPACS mungkin bertukar, sifat bertanggungjawab ini akan dikekalkan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Sejak adanya kesatuan sekerja nasib pekerja sudahpun berubah menjadi lebih baik. Di waktu konsep "general trades union" digubalkan, pekerja menghadapi penindasan yang tidak berperikemanusiaan. 'General trades union' menjadi penting supaya gerakan sekerja dapat menangkis penindasan dengan tindakan yang bukan sahaja mengancam majikan yang menindas tetapi juga majikan-majikan lain. Akhirnya melalui "general strike" pekerja dapat mengancam negara jika negara tidak sanggup membendung majikan yang ganas.

7. Alhamdulillah, berkat kuasa kesatuan sekerja dan senjata tindakan perusahaan, sedikit demi sedikit nasib pekerja diperbaiki sehingga penindasan tidak berlaku lagi, walaupun kadangkala terdapat kes seperti di Selancar Empat. Masyarakat dan Kerajaan juga terpaksa mengubah sikap dan mengadakan jentera, serta undang-undang yang melindungi pekerja. Demikianlah perubahan yang berlaku sehingga di beberapa buah negara kesatuan sekerja membentuk parti politik yang berjaya mendirikan Kerajaan.

8. Sepatutnya Kerajaan yang didirikan oleh kesatuan sekerja mendapat sokongan dari mereka dan terpelihara dari sebarang ancaman tindakan perusahaan. Hakikatnya adalah berlainan dari teori. Di Britain, di waktu Kerajaan Buruh memerintah, lebih banyak mogok berlaku sehingga negara yang kaya-raya itu menjadi lemah dan tidak lagi dapat bersaing dengan negara lain. Walaupun jelas bahawa kelemahan Britain disebabkan oleh tindakan yang melulu oleh kesatuan sekerja, kesatuan-kesatuan sekerja tidak hirau, bahkan mereka membuat tuntutan-tuntutan yang lebih tidak munasabah lagi.

9. Dahulu kesatuan sekerja ditubuh untuk membendung penindasan. Yang penting dahulu ialah sikap yang berperikemanusiaan dari majikan. Tetapi sekarang kesatuan dan senjata pekerja di Barat tidak lagi diguna untuk membentaras penindasan. Sebaliknya senjata ini digunakan

untuk menambah kepada pendapatan yang sudah ada, walaupun pendapatan itu sudah melimpah. Bukan sahaja buruh yang membuat tuntutan, bahkan mereka yang menerima gaji yang berpuluh ribu sebulan pun mengugut untuk mendapat lebih lagi, dan sesudah diberi, masih menuntut lagi.

10. Di Barat, layanan yang adil sudah tidak ada kaitan dengan tindakan perusahaan. Yang mendorong ke arah tindakan perusahaan ialah keangkuhan kuasa-kuasa gerakan massa (mass movement) dengan tindakan perusahaan yang boleh mengancam bukan sahaja majikan tetapi masyarakat tempatan dan negara. Kemampuan majikan melayan tuntutan tidak lagi diambilkira. Begitu juga kesan buruk terhadap harga dan "competitiveness" barang-barang keluaran tidak diperdulikan.

11. Kadangkala, walaupun kesatuan dan pegawainya tidak bersetuju, pekerja teruskan juga tindakan perusahaan. Pegawai yang lemah kerap kali mengikuti kehendak ahli kesatuan kerana ingin mengekalkan jawatannya. Dengan ini tanggungjawab pun dihapuskan dan nafsu bermaharajalela.

12. Oleh kerana industri negara Barat telah hilang "competitive edge" kerana beberapa sebab termasuk gaji atau upahan yang terlalu tinggi, maka timbullah desakan supaya sekatan import digunakan untuk menjamin "viability" industri dan peluang bekerja. Dengan ini maka industri negara buruk kepada pekerja tempatan. Demikianlah kuatnya pengaruh kesatuan sekerja negara Barat sehingga pekerja di negara membangun masih terus menyokong mereka dan memberi kuasa kepada orang-orang tertentu walaupun yang untung adalah pekerja negara maju dan yang rugi ialah pekerja negara membangun.

13. Apa yang saya perkatakan ini adalah kenyataan. Tidak ada niat dari Kerajaan Malaysia untuk menindas pekerja atau membelakangkan kesatuan sekerja. Tetapi, hakikat yang kita perlu akui ialah keadaan sekarang tidak sama dengan keadaan pada abad kesembilan belas di waktu sistem kesatuan sekerja digubal. Tujuan pekerja di Eropah tidak sama dengan tujuan pekerja di Malaysia dan di lain-lain negara membangun. Mereka ingin hidup mewah dan cuba mempengaruhi pekerja kita dengan cara hidup mereka, walaupun dengan tindakan mereka itu, ekonomi negara kita akan rosak dan pekerja kita akan menganggur. Jika mendapat peluang, kesatuan sekerja asing tidak segan-segan campurtangan dalam urusan ekonomi dan politik rumahtangga kita. Mereka sanggup bertindak terhadap harta kita di negara mereka, kerana mereka tahu kita tidak akan mengancam harta mereka di sini.

14. Perbezaan keadaan di zaman sekarang dan zaman dahulu perlu dikaji. Apakah sistem dan tindakan yang sesuai dalam abad kesembilan belas dan awal dua-puluhan masih sesuai di suku terakhir abad dua-puluhan ini? Apakah cara konfrontasi, ugutan dan tindakan perusahaan diperlukan untuk mengatasi masalah sekarang? Apakah sosial, ekonomi dan "political cost" sistem lama tidak merugikan kita akhirnya? Apakah keuntungan bagi orang lain dari tindakan perusahaan

kita? Soalan-soalan ini bukan ditujukan kepada kesatuan sekerja dan pekerja semata-mata.

15. Sebenarnya dalam masyarakat moden ada tiga pihak yang yang bersengketa dan juga Kerajaan. Dalam konfrontasi majikan dengan pekerja, pihak yang ketiga ialah Kerajaan. Oleh itu soalan-soalan tadi ditujukan bukan semata-mata kepada pekerja dan kesatuan mereka, tetapi juga majikan (dan mungkin persatuan majikan) dan Kerajaan. Ketiga-tiga pihak ini hingga sekarang berpendapat bahawa pekerja dengan majikan adalah musuh dan segala tindakan mestilah berasas kepada permusuhan ini. Bahawa mungkin ada perhubungan cara lain antara majikan dengan pekerja tidak terlintas di hati sesiapa.

16. Sebenarnya di zaman moden ini perhubungan antara majikan dan pekerja lebih merupakan perhubungan antara dua rakan, atau "partners". Sebagai rakan, mereka menghadapi masalah dan nasib yang sama. Anggapan majikan bahawa pekerja boleh digugurkan bila-bila masa jika rugi, dan anggapan pekerja bahawa mereka boleh meninggalkan satu majikan untuk pergi bekerja dengan majikan yang lain apabila gaji ditawarkan lebih tinggi sedikit, adalah salah belaka. Oleh kerana majikan dan pekerja adalah rakan perkongsian dan bukan musuh, maka Kerajaan pula perlu mengubah sikap, undang-undang dan cara bertindak terhadap kedua-dua pihak.

17. Inilah sebabnya yang, antara lain, Kerajaan mengesyorkan "in-house union" dan bukan "trade union". Dalam semua trade, syarikat-syarikat yang ditubuhkan tidak semuanya sama besar dan sama kuat. Percubaan menyamakan layanan antara syarikat-syarikat kecil dan besar akan yang buruk bukan sahaja kepada majikan tetapi juga kepada pekerja. Sebaliknya syarikat-syarikat kecil adalah sama penting dengan syarikat-syarikat besar dalam membangunkan ekonomi negara. Jika diberi peluang, syarikat yang kecil inilah yang akan menjadi syarikat yang besar.

18. Dalam "in-house union", pekerja-pekerja tidak dibahagikan mengikut trade, tetapi sebaliknya semua pekerja adalah ahli kesatuan sebuah syarikat. Nasib mereka terikat dengan kuatnya kepada maju-mundurnya syarikat. Terpulanglah kepada mereka menentukan kejayaan syarikat mereka. Oleh kerana majikan menganggap pekerja sebagai rakan dan majikan sedar akan peranan pekerja menjayakan syarikat, maka majikan terpaksa melayan pekerja sebagai rakan yang berhak mendapat imbuhan dari usaha mereka. Majikan tidak lagi perlu berunding dengan orang asing yang memimpin 'general trade union'. Rundingan akan diadakan dalam keluarga. Jika "in-house union" ini diamalkan bersama dengan "life-time employment" dan bayaran bonus mengikut paras keuntungan yang didapati, maka besar kemungkinan tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh pihak majikan atau kesatuan tidak berlaku.

19. Walaupun demikian, harus diingat bahawa sistem tidak menjamin kejayaan. Yang memberi kesan kepada sistem ialah

mereka yang menyertainya. Tetapi kemungkinan "in-house union" berjaya dalam zaman moden ini adalah lebih tinggi dari sistem trade union yang 'impersonal', yang diasaskan kepada anggapan bahawa pekerja dan majikan adalah musuh.

20. Bagi negara, segala tindakan perusahaan adalah tidak wajar dan merugikan. Di sini, negara bermakna rakyat, kerana kerugian akibat mogok dan lain-lain akan mengurangkan hasil-mahsul Kerajaan untuk dibelanjakan kepada rakyat. Dalam persaingan antara negara, tindakan perusahaan tetap akan melemahkan negara yang terlibat. Negara yang maju sekalipun akan lumpuh apabila diserang bertalu-talu dengan tindakan perusahaan. Dalam negara yang ekonominya lumpuh, tambahan pendapatan yang didapati oleh pekerja tidak bermakna, kerana inflasi akan meningkat dan nilai matawang akan jatuh. Semua yang saya perkatakan ini dapat disaksi dengan jelasnya di beberapa negara maju di Barat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

21. Satu perkara yang menarik perhatian pekerja dalam Kerajaan ialah rancangan Kerajaan untuk menswastakan beberapa perkhidmatan Kerajaan. Ramai yang khuatir bahawa jika tindakan ini diambil mungkin mereka akan menemui nasib yang malang.

22. Kerajaan tidak ada niat untuk memburukkan nasib sesiapa. Rancangan pengswastakan terpaksa dijadikan satu alternatif bagi Kerajaan kerana khidmat yang dimiliki oleh Kerajaan sudahpun bertukar corak dan memerlukan perbelanjaan yang amat tinggi. Sebagai contoh, satu projek telefon yang besar pada tahun 1960 memerlukan perbelanjaan \$500,000/-, tetapi projek telefon exchange pada tahun 1982 memerlukan komitmen sebanyak 10 juta ringgit. Berhadapan dengan masalah ini, Kerajaan mempunyai tiga pilihan: pertama, menanggungkan pembangunan, kedua, berhutang atau ketiga, serahkan kepada pihak swasta.

23. Jika pembangunan ditanggungkan, maka negara dan rakyat tidak akan maju. Jika hutang terlalu banyak, maka beban kewangan negara akan meningkat sehingga tidak dapat dipikul. Sebab itulah, untuk beberapa bidang, Kerajaan memilih untuk menswastakan perkhidmatan Kerajaan. Pekerja-pekerja Kerajaan akan diberi peluang memilih sama ada ingin kekal dengan Kerajaan atau ingin bekerja dengan majikan baru. Apa yang diharapkan ialah pekerja tidak cuba menggunakan objektif Kerajaan untuk meminta lebih dari hak mereka, seperti telah berlaku dahulu dengan beberapa pihak. Janganlah ganggu pembangunan negara untuk rakyat kerana terlalu mengutamakan kepentingan diri sendiri. Sikap yang sedemikian akan mengganggu pembangunan negara, dan jika pembangunan negara terganggu akhirnya pekerja itu sendiri yang akan rugi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

24. Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai

Persyarikatan Malaysia. Saya harap tidak lagi timbul kekeliruan antara Persyarikatan Malaysia dengan Penswastaan atau "Privatisation". Persyarikatan Malaysia bermakna khidmat yang baik diberi oleh kakitangan Kerajaan kepada pihak swasta kerana kejayaan mereka menguntungkan negara, Kerajaan dan kakitangannya. Sebenarnya gaji yang dibayar kepada kakitangan Kerajaan adalah hasil dari kutipan cukai dari swasta. Dari 6.7 ribu-juta ringgit bagi membiayai gaji, elaun dan pencen kakitangan awam dalam tahun 1982, sejumlah 5.2 ribu-juta ringgit adalah dari hasil berbagai cukai yang dikenakan ke atas sektor swasta. Memandang kepada hakikat ini, maka amatlah wajar kita memberi layanan yang baik kepada swasta. Lebih banyak mereka untung lebih banyaklah cukai yang dapat kita kutip, dan lebih besar kemungkinan mengadakan semakan gaji. Sebarang perkara yang menghalang pihak swasta dari mendapat keuntungan akan mengurangkan ongkos Kerajaan untuk perbelanjaan pentadbiran dan lain-lain. Oleh itu anggaplah Malaysia sebagai sebuah syarikat dalam mana kita dan syarikat swasta bekerja kerana kepentingan bersama. Inilah yang dikatakan 'Malaysia Incorporated' atau Persyarikatan Malaysia. Jangan rasa irihati jika kerja kita menolong swasta mendapat berjuta-juta ringgit, kerana 45 peratus dari keuntungan mereka adalah hak Kerajaan. Dan Kerajaan tidak melabur satu sen pun.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

25. Tahun ini CUEPACS akan memilih kepimpinan yang baru. Saya ingin memberi pengakuan bahawa Kerajaan sanggup dan akan bekerjasama dengan sesiapa juga yang dipilih. Kerajaan berharap akan dapat menjalin perhubungan yang berasas kepada perkongsian atau 'partnership' antara CUEPACS dengan Kerajaan sebagai majikan. Konfrantasi tidak ada tempat dalam perhubungan ini. Kerajaan tidak berbeza dari syarikat dalam perjalanannya. Lebih efisien pentadbiran Kerajaan, lebih banyak hasil akan diperolehi oleh Kerajaan. Dengan hasil yang lebih ini, kita akan buat peruntukan untuk semua Kerajaan. Selain dari itu, Insya-Allah kita akan timbang kemungkinan menyemak semula skim gaji bila tiba masanya.

26. Walaupun pendapatan kita adalah penting, saya berharap kita semua tidak bekerja semata-mata kerana gaji. Kita perlu kerja kerana kepuasan yang didapati dari tugas yang dijalankan dengan sempurna atau "job satisfaction". Saya yakin saudara-saudari tentu tidak suka Malaysia dikenal dan dihina sebagai sebuah negara yang mempunyai pentadbiran yang lemah, kakitangan yang malas dan terlibat dengan rasuah. Oleh itu, patutlah kita tingkatkan kecekapan dan daya pengeluaran kita sepanjang masa. Sebenarnya, kitalah yang akan mewarisi hasil tindakan kita ini. Lebih produktif kita, lebih baiklah kehidupan kita. Sebaliknya, kitalah yang akan menjadi malang jika kita tidak meningkatkan daya pengeluaran kita.

27. Saya juga berharap walau siapa pun memimpin CUEPACS mereka tidak akan lupa bahawa Malaysia masih sebuah negara

yang membangun. Sepertimana orang yang miskin yang berlagak sebagai orang yang kaya akan menderita akhirnya, begitu juga Malaysia tidak boleh berlagak dan mengamal amalan-amalan negara yang kaya. Negara yang kaya boleh memberi layanan yang istimewa terhadap tuntutan pihak-pihak tertentu dan boleh mengatasi masalah yang berlaku akibat tindakan yang keterlaluan, tetapi negara membangun akan lumpuh dan menderita jika dihadapi dengan masalah yang sama. Tiada siapa di negara ini akan mendapat faedah jika negara kita lumpuh dan menjadi pengemis seperti beberapa negara membangun yang lain. Hakikat yang perlu kita ingat selalu ialah, akhirnya yang menguntungkan semua pihak dalam negara yang demokratik ialah kekayaan negara, hasil dari peningkatan daya pengeluaran semua pihak.

Tuan-tuan dan puan-puan,

28. Saya meminta maaf kerana tidak dapat menunaikan kehendak saudara-saudara tentang beberapa tuntutan. Walau bagaimana pun, saya berjanji masalah kebajikan pekerja akan diberi pertimbangan sewajarnya bila keadaan mengizinkan. Bersabarlah, dan bersama-samalah kita berusaha untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang baik, dan bersama-samalah kita berdoa semoga keadaan ekonomi segera pulih supaya kita dapat mengatur strategi dan program yang lebih kemas lagi bagi faedah semua, termasuk golongan pekerja awam. Sementara itu berjimat-cermatlah dan kerjalah dengan lebih efisien dan produktif.

29. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada CUEPACS yang mewakili anggota perkhidmatan awam sekalian di atas pemberian Pingat Emas kepada saya, walaupun berat rasanya untuk saya menerimanya, kerana saya belum membuat apa-apa yang melayakkan saya mendapat penghormatan ini, dan saya tidak dapat menunaikan tuntutan saudara-saudari, dan terpaksa pula meminta kerjasama saudara-saudari untuk terus bersabar dan membuat sumbangan bagi memperbaiki perkhidmatan awam. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Di Pertua CUEPACS dan saudara-saudari sekalian, dan dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen ini dibuka.
Terima kasih.